

16 APR 1996

Harga-Mesyuarat

JAWATANKUASA STABILKAN HARGA BARANGAN LANGKAWI BERMESYUARAT LAGI

LANGKAWI, 16 April (Bernama) -- Jawatankuasa Menstabilkan Harga Barangan dan Caj Perkhidmatan Langkawi akan mengadakan mesyuarat ketiganya di sini Isnin ini untuk membincangkan isu harga barangan yang tinggi.

Mesyuarat kali ini akan dipengerusikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Datuk Haji Abu Hassan.

Menurut jurucakap jawatankuasa itu antara isu yang akan dibincangkan ialah kedudukan harga makanan sedia masak yang mahal terutamanya pada musim cuti dan perayaan.

Katanya kadar caj kereta sewa pandu sendiri yang langsung tiada kawalan dan garis panduan turut menjadi agenda utama mesyuarat itu.

Selain itu, katanya kadar sewa hotel yang tidak seragam dan sentiasa berubah-ubah mengikut musim serta tambang bot penumpang ke pulau-pulau sekitar Langkawi yang tidak menentu juga akan dibincangkan.

Beliau berkata isu lain yang dijangka disentuh ialah kedudukan bekalan dan harga barangan mentah terutamanya ikan dan sayur-sayuran yang tidak stabil di pulau peranginan bebas cukai ini.

Mesyuarat itu juga dijangka meminta pihak media membuat publisiti yang lebih positif terhadap keadaan sebenarnya di Langkawi.

Harga barangan yang tinggi serta caj perkhidmatan yang tidak menentu di pulau ini sering menjadi rungutan pelawat terutamanya pengunjung tempatan sehingga menarik perhatian serius Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malahan penubuhan jawatankuasa berkenaan juga adalah atas saranan beliau selepas menerima banyak aduan berhubung perkara itu.

Dr Mahathir juga pernah menyatakan rasa kesal dan kecewanya dengan tabiat gelojoh para peniaga di Langkawi yang hanya memikirkan keuntungan jangka pendek sahaja. -- BERNAMA

ZAA NMO